

Ucapan dasar Perdana Menteri mengandungi pandangan bernas

KUALA LUMPUR 18 Sept. — Perhimpunan Agung UMNO ke-37 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini dirasmikan oleh presiden parti, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dengan menyampaikan ucapan dasarnya memakan masa 1½ jam mengandungi pesanan, teguran dan pandangan yang bernas.

Upacara perasmian penuh sejarah dan dihadiri oleh kira-kira 4,000 orang ahli UMNO termasuk perwakilan bermula dengan ketibaan Perdana Menteri dan isteri diiringi oleh Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam, naib-naib presiden dan ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Ketua Pergerakan Wanita Datin Paduka Rafidah Aziz dan Ketua Pemuda, Encik Anwar Ibrahim turut mengiringi. Timbalan Pengerusi Tetap, Datuk Shuib Ahmad dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sri Sanusi Junid juga bersama.

Sebaik saja Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan yang lain mengambil tempat, semua ahli Majlis Tertinggi, naib-naib presiden dan ahli yang hadir telah menyanyikan lagu UMNO, Bersatu, Bersetia, Berkhidmat.

Timbalan Pengerusi Tetap, Datuk Shuib memulakan acara dengan menyata-

kan bahawa Pengerusi Tetap, Tan Sri Sulaiman Nizam Shah tidak dapat menghadiri majlis bersejarah itu kerana uzur.

Pengerusi Biro Agama, Datuk Sri Amar Wan Mokhtar yang juga Menteri Besar Terengganu kemudiannya menyampaikan doa selamat. Datuk Sri Sanusi kemudiannya menyampaikan pula peringat-

an persidangan ke-36 yang lalu.

Turut hadir di upacara perasmian itu ialah wakil-wakil daripada parti-parti komponen Barisan Nasional. MIC diwakili oleh presidennya, Datuk Samy Velu dan timbalannya Datuk K. Pathmanaban, MCA oleh presidennya, Datuk Ling Liong Sik dan beberapa orang Exconya, Gera-

kan diwakili oleh Datuk Dr. Lim Kheng Yeik. PBDS oleh presidennya, Datuk Leo Moggie, SUPP oleh presidennya, Datuk Amar Stephen Yong, PBB oleh presidennya, Datuk Taib Mahmud.

Ketika Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan ucapan dasarnya, Dewan Merdeka tempat berlangsungnya per-

himpunan menjadi hening dan kadangkala pula menjadi riuh-rendah.

Keheningan kerana semua yang hadir begitu khusyuk dan teliti mendengar ucapan itu, manakala riuh-rendah apabila mereka berteriak dan bertepuk gemuruh menyokong fakta-fakta yang disampaikan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.